

Newspaper	HARAKAH
Date	13/4/2012

Skandal balak RM415j tuntut penjelasan PM

Harakah - 13/4/2012

Oleh WAN NORDIN WAN
YAACOB & AZIZ MUDA

KUALA LUMPUR: Perdana Menteri, Dato' Seri Najib Razak diberi masa tujuh hari untuk mengambil tindakan terhadap skandal balak melibatkan penyelewengan lebih RM400 juta.

Pengarah Strategi KeADILan, Rafizi Ramli memberi amaran itu dalam satu sidang medianya di lobi Parlimen 9 April lalu susulan pendedahan *Sarawak Report* yang mendakwa Menteri Luar, Dato' Seri Anifah Aman menerima lesen balak yang lumayan yang diberikan adiknya, Ketua Menteri Sabah, Musa Aman.

"Bukti yang kami miliki boleh mensabitkan ketiga-tiga tokoh ternama itu, skandal ini membabitkan penyelewengan berjumlah RM415 juta," dakwanya.

Ujar Rafizi, KeADILan menubuhkan satu pasukan khas bagi mengumpul mak-



Rafizi Ramli

lumat dan dokumen berhubung skandal itu yang turut melibatkan Peguam Negara, Tan Sri Gani Patail – yang enggan mengheret Anifah dan Musa ke muka pengadilan berhubung kes itu.

Pasukan khas itu, menurutnya, diketuai peguam

Darell Leiking yang juga merupakan Timbalan Setiausaha Agung dan Ketua Cabang Penampang, Sabah.

"Beliau (Darell) menemu ramah ramai saksi yang terbabit dan sedang mengumpul dokumen penuh setakat ini. Kami boleh dedahkan kepada media bahawa dokumen itu mempunyai beribu-ribu muka surat, termasuk salinan penyata bank yang menunjukkan pelbagai urusniaga dan pemindahan berlaku," katanya di lobi Parlimen hari ini.

Beliau yakin bukti-bukti yang dikumpulkan itu mampu mensabitkan ketiga-tiga tokoh dalam skandal yang jumlahnya lebih besar daripada penyelewengan syarikat Perbadanan Feedlot Nasional (NFC) yang dimiliki keluarga Ketua Wanita Umno, Dato' Seri Shahrizat Jalil.

Beliau berkata, bukti-bukti itu akan didedahkan

secara berperingkat sehinggalah kesemua yang bertanggungjawab diambil tindakan oleh pihak berkuasa.

Beberapa tahun lalu *Sarawak Report* melaporkan Anifah Aman merupakan pewaris rahsia lesen pembalakan lumayan yang mengeksploitasi hutan simpan di Sabah. Konsesi itu diperolehi dari saudaranya sendiri, Musa Aman.

Sarawak Report turut mendedahkan dokumen-dokumen berkenaan menunjukkan penyiasat telah membuat kesimpulan bahawa Ketua Menteri Sabah melakukan rasuah dengan menganugerahkan lesen pembalakan di negeri Sabah bernilai puluhan juta ringgit kepada saudaranya sendiri.

Namun, siasatan itu disekat pada peringkat tertinggi dan segala pemuatan dalam siasatan itu dirahsiakan, sehingga kini.